

Thriving As Single Parents

Single parents face more challenges than other parents. Find out what their real situations are and what help is available.

Hidup Sebagai Ibu Bapa Tunggal

Ibu bapa tunggal berdepan dengan lebih banyak cabaran berbanding ibu bapa lain. Ketahui situasi sebenar mereka dan bantuan yang boleh didapati.

Our society sees an increasingly rising number of single parents today, and the majority of them are single mothers. Single mothers are defined as females who head the household, and have at least one unmarried child under 18 years old living in the same household. Single parenthood may occur for a variety of reasons – death of spouse, divorce, or abandonment.

Based on the 2000 Population and Housing Census of Malaysia, there were 126,810 single mothers in Malaysia at the time. The number is likely to be underestimated, and has definitely grown much larger today considering the increased rates of divorce and separation.

It is tough to be a single mother and breadwinner at the same time. Personal emotions and issues aside, single mothers are weighed down with additional responsibilities that they have to deal with on their own, and on limited resources.

If you have relatives or friends who are single parents, read on to understand the difficulties and challenges they face. If you are a single mother, do know that you are not alone and help is available.

Facts & figures

According to a Malaysian study¹ focusing on urban single mothers who are largely from the low income level:

- 72% are widows, 23% are divorcees, 4% husbands went missing, 1% abandoned by husbands.
- About 64% have 2-4 children.
- About 92% of these women have monthly incomes of less than RM1,000.

Reference / Rujukan:

1. Omar D, et al. Urban Living Condition of Low Income Single Mothers in Malaysia. *European Journal of Social Sciences* 2009;9(2):193-201.

Bilangan ibu bapa tunggal dalam masyarakat kita semakin meningkat sekarang, dan sebahagian besar daripada mereka adalah ibu tunggal. Ibu tunggal ditakrifkan sebagai wanita yang mengetuai keluarga, dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak belum berkahwin berusia bawah 18 tahun yang tinggal bersamanya. Seseorang wanita atau lelaki mendapat gelaran ibu tunggal atau bapa tunggal atas pelbagai sebab – kematian pasangan, perceraian, atau ditinggalkan.

Perangkaan yang diperoleh daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000 menunjukkan terdapat 126,810 ibu tunggal di Malaysia. Angka ini mungkin tidak tepat, dan pasti jauh lebih besar sekarang memandangkan bilangan perceraian dan persisahan semakin hari semakin meningkat.

Bukan senang untuk menjadi ibu tunggal dan pada masa yang sama menyara keluarga. Selain memendam perasaan dan berdepan dengan isu peribadi, ibu tunggal dibebankan dengan tanggungjawab tambahan untuk menguruskan diri mereka sendiri dan sumber yang terhad.

Jika anda mempunyai saudara-mara atau sahabat handai yang menjadi ibu bapa tunggal, teruskan membaca untuk memahami kesulitan dan cabaran yang mereka hadapi. Jika anda sendiri adalah seorang ibu tunggal, ketahuilah bahawa anda tidak keseorangan dan anda boleh mendapatkan bantuan.

Fakta & angka

Menurut hasil kajian¹ di kalangan ibu tunggal di bandar Malaysia yang termasuk di bawah kategori berpendapatan rendah:

- 72% menjadi ibu tunggal apabila suami mereka meninggal dunia, 23% bercerai, 4% suami menghilangkan diri, 1% ditinggalkan suami.
- Sebanyak 64% daripada mereka mempunyai 2-4 anak.
- Kira-kira 92% daripada wanita ini mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM1,000.



Workload Doubled, Resources Halved

Unlike most families with two parents, single mothers face all the challenges of parenting alone. Financial resources are halved, but responsibility is doubled.



All on one shoulder

Most single mothers are solely accountable for their children's needs, as many ex-husbands tend not to share parenting responsibilities after they have left, notes **Dr Anjli Doshi-Gandhi, Deputy Director-General (Policy), National Population and Family Development Board Malaysia.**

The financial burden is further magnified for single mothers living in urban areas where cost of living is becoming increasingly high. Money is needed to cover from shelter to food, children's education and health care. "Such economic strain can be a very negative factor affecting the child's wellbeing," says Dr Anjli, further highlighting single mothers who are not financially independent especially face a critical challenge.

"Most of them have practically no savings, married at a young age and have never worked before. They lack the necessary education, skills and experience to allow them to enter formal workforce. This may press them to accept poorly paid jobs or long hours to make ends meet."

"For low-income single mothers who are facing financial struggles, a welfare assistance scheme is available from the Social Welfare Department of Malaysia. Under this scheme, monthly monetary aid is given to those who are eligible. This helps to ensure that single mothers are able to continue to support their children's basic needs and necessities."

Coping with dual roles

One of the greatest challenges for single mothers is to play both the father and mother figures for their children – father being the instrumental role (eg provider for the family) while mother the nurturing role (eg supportive and caring).

The responsibilities are even greater when there are many children in the household, or if the children are very young.

"Besides taking care of their food and education needs, single mothers also have to ensure the safety of their children, and be mindful of their children's activities and social circle to prevent them from mixing in bad company," remarks Dr Anjli.

"Often, children of single parents may initially have difficulty dealing with drastic changes in the family. However, they should be able to cope once they accept and adjust to the new family structure. In fact, it could be better for children to live in a peaceful and stable single-parent family than in a home where there are constant conflicts, hostility and violence."

"How a single-parent family fares greatly depends on the mindset and coping capability of the single mother. Taking it positively, it is a learning opportunity to build parenting skills and develop self independence. If single mothers are able to carry out their parenting responsibility successfully, their children can grow up doing well in school and in life, just like those from two-parent families."

To achieve this, Dr Anjli says that single mothers should not suffer in silence, but seek help and get moral support from family, friends, support groups or relevant organisations.

"Also, make an effort to spend quality time and have constant open communication with your children. This may not be easy, but do it to the best of your abilities, as this is likely to reduce the negative impact of single parenting, be it on your children or yourself."





Beban Kerja Berganda, Sumber Separuh Sahaja

Tidak seperti kebanyakan keluarga yang mempunyai kedua-dua ibu dan bapa, ibu tunggal berdepan dengan cabaran besar untuk memikul beban menyara keluarga dan mengasuh anak-anak seorang diri. Sumber kewangan hanya tinggal separuh, tetapi tanggungjawab berganda.

Semuanya di atas satu bahu

Kebanyakan ibu tunggal bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keperluan anak-anak mereka, kerana ramai bekas suami enggan berkongsi tanggungjawab selepas mereka meninggalkan keluarga, kata **Dr Anjli Doshi-Gandhi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia.**

Beban kewangan bertambah berat bagi ibu tunggal yang hidup di kawasan bandar kerana kos sara hidup adalah lebih tinggi. Wang diperlukan untuk segala-galanya, daripada tempat tinggal dan makan minum hingga persekolahan anak-anak dan penjagaan kesihatan. "Tekanan ekonomi boleh menjadi faktor negatif yang menjejaskan kesejahteraan kanak-kanak," jelas Dr Anjli mengenai cabaran kritikal yang dihadapi oleh ibu tunggal yang tidak dapat berdikari dari segi kewangan.

"Kebanyakan daripada mereka boleh dikatakan tidak mempunyai simpanan, berkahwin pada usia muda dan tidak pernah bekerja. Mereka kekurangan pendidikan, kemahiran dan pengalaman yang membolehkan mereka bekerja. Ini mungkin memaksa mereka menerima pekerjaan yang bergaji kecil."

"Ibu tunggal berpendapatan rendah yang menghadapi masalah kewangan boleh mendapatkan bantuan menerusi skim bantuan kebajikan yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Sosial Malaysia. Di bawah skim ini, bantuan kewangan bulanan diberikan kepada mereka yang layak. Ini membantu memastikan ibu tunggal dapat terus menampung keperluan anak-anak mereka."



Pegang dua peranan

Satu daripada cabaran paling besar yang dihadapi oleh ibu tunggal ialah untuk memainkan peranan sebagai ibu dan bapa kepada anak-anak mereka – peranan bapa untuk menyara keluarga manakala peranan ibu sebagai pengasuh yang memberi sokongan dan penjagaan.

Bilangan anak yang ramai, atau jika anak-anak masih terlalu kecil, menjadikan tanggungjawab ini lebih besar dan lebih berat.

"Selain menjaga keperluan makan minum dan pendidikan anak-anak, ibu tunggal juga perlu memastikan keselamatan anak-anak, mengawasi aktiviti dan pergaulan sosial untuk mengelakkan mereka daripada terjebak ke dalam kumpulan budak nakal," kata Dr Anjli.



"Selalunya, buat permulaan, anak-anak ibu tunggal sukar menerima perubahan drastik dalam keluarga, tetapi lama-kelamaan mereka dapat menangani situasi sebaik sahaja mereka menerima kenyataan dan menyesuaikan diri dengan struktur baru dalam keluarga mereka. Malah, adalah lebih baik bagi kanak-kanak hidup dalam keluarga ibu tunggal yang aman

damai dan tenteram daripada melihat ibu bapa sentiasa bertengkar, bermusuhan dan keganasan."

"Fungsi keluarga ibu tunggal banyak bergantung pada cara pemikiran dan keupayaan ibu tunggal untuk memikul beban. Dari aspek positif, ia adalah peluang pembelajaran untuk membina kemahiran mengasuh anak-anak dan berdikari. Jika ibu tunggal berjaya melaksanakan tanggungjawab ini, anak-anak mereka boleh membesar menjadi kanak-kanak yang pintar di sekolah dan bijak dalam kehidupan, seperti kanak-kanak yang mempunyai kedua-dua ibu dan bapa."

Demi kesejahteraan keluarga, Dr Anjli berkata bahawa ibu tunggal tidak sepatutnya menderita dalam senyap berseorangan, tetapi sebaliknya mendapatkan bantuan dan sokongan moral daripada keluarga, kawan, kumpulan sokongan dan juga pelbagai pertubuhan berkaitan.

"Di samping itu, berusaha untuk meluangkan masa yang berkualiti dan berkomunikasi secara terbuka dengan anak-anak. Ini bukan mudah, tetapi anda boleh melakukan yang sebaik mungkin, kerana jika faktor positif ini disemaikan dalam keluarga, ia boleh mengurangkan kesan negatif dalam keluarga ibu tunggal, sama ada kesan ke atas anak-anak atau anda sendiri."

Supporting Child's Education

A breakdown in the family structure can greatly affect a child's ability to study and perform well in school, and this outcome is often seen among children from single-parent homes.

Studies have found that children raised in single-parent families are less able to reach their full potentials academically. According to **Consultant Psychiatrist Dr Yen Teck Hoe**, this can be partly due to the limited financial resources and time single parents have.

For instance, most single mothers, who are likely to be the family's sole breadwinner, may have to work for long hours and therefore have less time to supervise children on their homework.

"These conditions, of course, are not the only determining factors of a child's level of academic achievement," says Dr Yen.

Many single parents feel that they have limited resources, and therefore lack confidence in getting involved in their children's education. The fact is, they can support their children's academic progress in many ways.

For example:

- Schedule some time in a day or a week to go through the children's homework, or just chat about their school work and life.
- Communicate with the teachers to find out how the child is doing at school. If time allows, participate in parent-teacher meetings or attend child's school activities.
- Support the child's learning in various fun ways while at home, such as play quizzes during mealtimes, or reading his favourite book together in the evenings.

"When the parent is more involved in the child's education, it encourages the child to develop a positive attitude towards study. When given adequate attention and an encouraging environment, children from single-parent families stand an equal chance to excel academically, just like other children," Dr Yen concludes.

Menyokong Pendidikan Anak-Anak

Keruntuhan keluarga boleh menjejaskan keupayaan kanak-kanak untuk belajar dan mencapai prestasi yang baik di sekolah, dan kesan ini biasanya boleh dilihat di kalangan kanak-kanak daripada keluarga ibu atau bapa tunggal.

Hasil kajian mendapati kanak-kanak yang dibesarkan dalam keluarga ibu atau bapa tunggal kurang berkeupayaan untuk mencapai potensi penuh mereka dari segi akademik. Menurut **Pakar Perunding Psikiatri Dr Yen Teck Hoe**, ini sebablagiannya boleh disebabkan oleh sumber kewangan yang terhad dan kekurangan masa yang dapat diluahkan oleh ibu atau bapa tunggal untuk bersama anak-anak.

Sebagai contoh, kebanyakan ibu tunggal, yang besar kemungkinan merupakan satu-satunya pencari nafkah keluarga, mungkin terpaksa bekerja hingga lewat dan tidak dapat meluahkan masa untuk membantu anak-anak membuat kerja sekolah di rumah.

"Sudah tentulah, keadaan ini bukanlah satu-satunya faktor penentu tahap pencapaian akademik kanak-kanak," kata Dr Yen.

Ramai ibu tunggal merasakan bahawa mereka hanya mampu memberikan sumbangan yang terhad, dan dengan demikian kurang yakin untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak mereka, sedangkan mereka boleh menyokong pembelajaran anak-anak mereka dalam banyak cara. Sebagai contoh:

- Jadualkan masa dalam sehari atau seminggu untuk mengulang kaji pelajaran dan kerja sekolah anak-anak, atau sekadar berbual tentang kerja sekolah dan aktiviti mereka.
- Hubungi guru mereka untuk mengetahui tentang perkembangan mereka di sekolah. Jika masa mengizinkan, sertai mesyuarat ibu bapa-guru atau aktiviti sekolah anak-anak.
- Sokong pembelajaran anak-anak dalam pelbagai cara yang menyeronokkan sewaktu di rumah, seperti bermain kuiz semasa makan, atau membaca buku kegemaran mereka bersama-sama pada waktu malam.

"Ibu bapa yang kerap melibatkan diri dalam pelajaran anak-anak akan menggalakkan anak-anak mereka membina sikap positif terhadap pelajaran. Bila diberi perhatian secukupnya dan persekitaran yang memberangsangkan, kanak-kanak daripada keluarga ibu tunggal mempunyai peluang yang sama untuk mencapai kecemerlangan akademik, sama seperti kanak-kanak lain," jelas Dr Yen.



MMHA
Malaysian Mental Health
Association

Dr Yen Teck Hoe
Consultant Psychiatrist,
Vice-President, Malaysian Mental
Health Association

Pakar Perunding Psikiatri,
Naib Presiden, Persatuan
Kesihatan Mental Malaysia



Effects On A Growing Child

The effects of single parenting can be positive or negative depending on the situation and how the single parent is handling it, says **Dr Yen Teck Hoe**, adding that, "If the child's anger and questions about the other parents are not handled appropriately in the first place, it may lead to undesirable emotional and psychological effects later on."

Various studies showed that children from single-parent homes generally tend to experience more behavioural problems (eg rebellious, blameful) than those from two-parent homes. Dr Yen explains that such behaviour could be a result of anger, shame and feeling of insecurity the child experiences while growing up in a single-parent household.

"They may feel that they are abnormal and different from others, and may also get jealous seeing other kids who have both parents. Single-parent children may also be 'forced' to learn to be self-reliant and independent at a younger age."

When single parents are overwhelmed with problems, it is easy to overlook the child's needs. The child may have to struggle to gain attention from the parent and feel that he is not loved. "Under these unfavourable circumstances, the child can be easily influenced by external negative elements, such as mixing in bad company and developing bad habits," Dr Yen remarks.

"On the other hand, if the parent is able to devote his or her energy to create a positive environment at home, it can have positive effects on the child," says Dr Yen, further highlighting that parents also need to ensure their children mix with the right company, and also be there for the child in times of need.

"For instance, through having constant caring and open communications, a single parent can understand how the child feels and what he needs, and take the opportunity to foster a close and loving parent-child relationship, which the child needs in the process of growing up."



Kesan Ke Atas Anak-Anak Yang Sedang Membesar

Kehidupan dalam keluarga ibu tunggal boleh memberi kesan positif atau negatif, bergantung pada keadaan dan bagaimana ibu tunggal menanganinya, kata **Dr Yen Teck Hoe**. "Jika kemarahan dan kemusykilan anak-anak terhadap bapa mereka tidak ditangani dengan betul terlebih dahulu, ia boleh memberi kesan emosi dan psikologi yang tidak diinginkan kemudiannya."

Hasil pelbagai kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak daripada keluarga ibu tunggal umumnya lebih cenderung mengalami masalah tingkah laku (seperti memberontak, mencela) berbanding kanak-kanak yang dibesarkan oleh kedua-dua ibu dan bapa. Dr Yen menjelaskan bahawa kelakuan seperti ini mungkin disebabkan oleh rasa marah, malu dan tidak selamat yang dialami oleh kanak-kanak apabila membesar dalam keluarga ibu tunggal.

"Mereka mungkin merasakan mereka tidak normal dan lain daripada yang lain, dan mungkin juga iri hati melihat kanak-kanak lain yang mempunyai ibu dan bapa. Anak-anak ibu tunggal mungkin juga 'terpaksa' belajar berdikari pada usia yang muda."

Apabila ibu tunggal dibebankan dengan pelbagai masalah, mereka mungkin mengabaikan keperluan anak-anak, menyebabkan anak-anak merasakan mereka tidak disayangi dan memaksa mereka bergelut untuk mendapatkan perhatian. "Di bawah keadaan yang tidak menyenangkan ini, anak-anak mudah dipengaruhi oleh unsur negatif daripada persekitaran sosial, seperti terjebak dalam kumpulan budak nakal dan berkelakuan buruk," kata Dr Yen.

"Sebaliknya, jika ibu tunggal dapat memperuntukkan tenaganya untuk mewujudkan persekitaran positif di rumah, ia boleh memberi kesan positif ke atas anak-anak," kata Dr Yen. Menurut beliau, ibu tunggal juga perlu memastikan anak-anak mereka bercampur gaul dengan kawan yang betul dan bersedia memberi sokongan di saat mereka memerlukan.

"Sebagai contoh, menerusi penjagaan berterusan dan komunikasi terbuka, ibu tunggal boleh memahami perasaan anak-anak dan apa yang diperlukan mereka, dan menggunakan peluang itu untuk memupuk hubungan kasih sayang antara ibu dan anak, yang sangat diperlukan oleh anak-anak dalam proses membesar."



Empowering Single Mothers

Life can be an uphill battle for many single mothers, especially those from the rural areas, as they usually work in poorly paid jobs due to the lack of specialised knowledge and skills, says **Developmental Psychologist, Ms Woo Pei Jun**.

“One of the important ways to help this group of single mothers is to set up programmes and trainings to provide them the necessary knowledge and resources, and thus improve their competency in the job market, helping them to gain financial independence.”

Single Mothers' Skill Incubator programme (I-KIT)

The I-KIT programme, run by the Malaysian Women, Family and Community Development Ministry, is a core programme outlined in the 9th Malaysian Plan. Its objective is to provide skills and entrepreneur training to single mothers, and ultimately reduce poverty and improve the quality of life in this group of women.

Memperkasa Ibu Tunggal

Bagi ramai ibu tunggal di kawasan bandar, kehidupan adalah satu pertarungan ekonomi, kerana mereka biasanya bekerja dengan pendapatan yang rendah disebabkan kurang pengetahuan dan kemahiran khusus, kata **Pakar Psikologi Pembangunan, Cik Woo Pei Jun**.

“Satu daripada cara penting untuk membantu kumpulan ibu tunggal ini ialah dengan mengadakan program dan latihan untuk memberi mereka pengetahuan dan sumber yang diperlukan, dengan demikian meningkatkan tahap kecekapan mereka dalam pasaran pekerjaan, membantu mereka berdikari dan mendapatkan kebebasan kewangan.”

Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT)

Program I-KIT, yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, adalah program teras yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-9, dengan objektif untuk memberikan latihan kemahiran dan keusahawanan kepada golongan ibu tunggal, dan seterusnya mengurangkan kemiskinan dan membaiki kualiti hidup wanita dalam kumpulan ini.

Antara kemahiran yang dilatih di bawah program ini termasuk menjahit, membuat kraf tangan, menjaga anak dan memproses makanan. Ibu tunggal juga

Some of the skills trained in this programme include sewing, handcraft, child care and food processing. Single mothers are also taught basic business knowledge, financial management, and how to seek for financing provided by government agencies.

“It is hoped that through this programme, single mothers can enhance their self-potential and become economically independent,” remarks Ms Woo.

Getting support

“Single parenting is a tough job, so it is important that single parents have the resilience to overcome challenges and a strong believe that they will succeed

diajar tentang prinsip asas perniagaan, pengurusan kewangan, dan cara untuk mendapatkan pembiayaan yang disediakan oleh agensi kerajaan.

“Menerusi program ini, diharap ibu tunggal boleh meningkatkan potensi diri mereka sendiri dan mencapai kebebasan ekonomi,” jelas Cik Woo.

Mendapatkan sokongan

“Tugas ibu tunggal amat berat. Jadi, ibu tunggal mesti mempunyai semangat yang kuat untuk mengatasi cabaran dan keyakinan bahawa mereka boleh berjaya seperti orang lain. Sokongan daripada anggota keluarga, saudara mara dan sahabat handai juga memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan mereka.”

Menurut Cik Woo, bantuan profesional untuk ibu-ibu tunggal juga boleh didapati daripada kumpulan sokongan yang mewakili pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Sokongan ini boleh diberikan dalam bentuk yang berlainan, seperti bantuan kewangan, peluang kerja dan kaunseling.



Ms Woo Pei Jun
Developmental Psychologist
Pakar Psikologi Perkembangan

just like anyone else. Support from family members, relatives and friends plays an important role in determining their success, too.”

Ms Woo informs that professional help for single mothers can also be obtained from various support groups by non-governmental organisations (NGOs). The support can come in different forms, such as monetary support, job opportunities and counselling.

Some of the NGOs in Malaysia that provide such support include:

- Women's Aid Organisation (www.wao.org.my).
03-7956 3488 / 7960 3030
- Women's Centre for Change (www.wccpenang.org).
04-228 0342
- All Women's Action Society (www.awam.org.my).
03-7877 0224
- Sisters in Islam (www.sistersinislam.org.my).
03-7785 6121
- EHomemakers (www.ehomemakers.net).
03-7726 5271

NGO di Malaysia yang memberikan sokongan sedemikian termasuk:

- Pertubuhan Pertolongan Wanita (www.wao.org.my).
03-7956 3488 / 7960 3030
- Pusat Kesedaran Wanita (www.wccpenang.org).
04-228 0342
- Persatuan Pergerakan Wanita (www.awam.org.my).
03-7877 0224
- Sisters in Islam (www.sistersinislam.org.my).
03-7785 6121
- EHomemakers (www.ehomemakers.net).
03-7726 5271



Malaysian Paediatric Association

Datuk Dr Zulkifli Ismail
Past President,

Malaysian Paediatric Association
& Chairman, Positive Parenting
Management Committee

Mantan Presiden, Persatuan Pediatrik
Malaysia dan Pengerusi Jawatankuasa
Pengurusan Positive Parenting

Single Parenting Today

Single parents today are no longer scorned by society as in the past, but there is still a stigma attached to single parenting, says **Datuk Dr Zulkifli Ismail, Past President, Malaysian Paediatric Association, & Chairman, Positive Parenting Management Committee.** Owing to media publicity, single parenthood has attracted attention and the sympathy of many. We often disregard the difficulties faced by single parents and forget that they need our understanding and support. Prejudiced viewpoints on this subject should be discarded in our society.

There are general perceptions that children from single-parent families are from “broken homes”, and that single parents are less capable of coping with problems in life. These are mostly based on prejudiced viewpoints, remarks Datuk Dr Zulkifli. “Single parenting does not necessarily equate to a broken home; children from single-parent families also do not necessarily develop emotional and behavioural problems.”

While single parenting may pose some negative impact on children, at least at the initial stage, many researches found that children of single-parent families grew up to be as healthy and emotionally secure as those from two-parent families. We often underestimate the emotional resilience of children as they grow into adulthood.

“It is true that the relationship between a single mother and her children may be jeopardised, as she has to work hard to make ends meet, and thus has lesser time for her family. However, single mothers can still form a close and loving parent-child relationship with their children if they know how to manage the situation appropriately.”

When the older children in single-parent families take up the task of caring for the younger brothers and sisters, they also learn to become responsible people, and form close relationships with their siblings.

“It is time to focus on building the positive effects of single parenting, instead of highlighting the negative aspects. By providing single parents with proper aid and support, such as easily accessible childcare centers or providers, they can strike a balance between work and family, and develop the capability to provide a stable and loving environment for their children to grow in,” concludes Datuk Dr Zulkifli.

Ibu Tunggal Zaman Sekarang

Meskipun ibu tunggal zaman sekarang tidak lagi dihina seperti dahulu, masih terdapat stigma yang dilekatkan pada mereka, kata **Datuk Dr Zulkifli Ismail, bekas Presiden, Persatuan Pediatrik Malaysia, & Pengerusi, Jawatankuasa Pengurusan Pengasuhan Positif.** Dengan liputan media, isu ibubapa tunggal telah menarik perhatian serta simpati orang ramai. Kita sering mengabaikan kesulitan yang dialami oleh mereka, serta lupa bahawa mereka memerlukan pemahaman dan sokongan kita. Pendapat pra-sangka atas isu ini harus dibuang dalam masyarakat moden ini.

Terdapat tanggapan umum bahawa anak-anak ibu tunggal adalah hasil daripada “keruntuhan rumah tangga”, dan ibu tunggal kekurangan upaya untuk menangani masalah dalam hidup mereka. Ini adalah prasangka, kata Datuk Dr Zulkifli. “Ibu tunggal tidak semestinya bermakna mereka menerima nasib itu kerana keruntuhan rumah tangga; dan anak-anak daripada keluarga ibu tunggal juga tidak semestinya dibendung masalah emosi dan kerosakan akhlak.”

Meskipun kehidupan dalam keluarga ibu tunggal boleh membawa kesan negatif ke atas anak-anak, sekurang-kurangnya di peringkat awal, ramai penyelidik mendapati bahawa kanak-kanak daripada keluarga ibu tunggal membesar dengan sihat tanpa masalah emosi, sama seperti kanak-kanak yang mempunyai kedua-dua ibu dan bapa. Kita sering meremehkan keutuhan emosional kanak-kanak sambil mereka menjajaki kedewasaan.

“Memang benar, hubungan antara ibu tunggal dan anak-anak boleh terganggu, kerana ibu perlu bekerja keras untuk menyara keluarga, hingga terpaksa mengurangkan masa untuk bersama anak-anak. Namun, ibu tunggal masih boleh menjalin hubungan rapat dengan anak-anak jika mereka tahu menguruskan situasi dengan betul.”

Apabila anak-anak lebih tua dalam keluarga ibu tunggal menggalas tugas menjaga adik-adik yang lebih kecil, mereka juga belajar untuk menjadi seorang yang bertanggungjawab, dan menyayangi adik-beradik mereka.

“Ibu tunggal boleh memainkan peranan untuk membina kesan positif ke atas anak-anak mereka. Dengan bantuan dan sokongan yang betul seperti menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak yang mencukupi dan mudah diakses, ibu tunggal dapat mencapai keseimbangan antara kerja dan keluarga, dan membina keupayaan untuk menyediakan persekitaran yang stabil dan diselubungi kasih sayang untuk anak-anak mereka membesar,” jelas Datuk Dr Zulkifli.

